

# BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN  
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI  
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,  
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR  
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM  
BERASASKAN KESIHATAN**

*Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari*

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah  
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

# Kebersihan dan Keceriaan Kolej Kediaman Menjadi Kentamaan. Pertandingan 'College Sweet College' Diteruskan

SUTINA JUNOS & AHMAD SOUFIEAN OTHMAN

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau meneruskan lagi program 'College Sweet College 3.0' bersama semua penghuni kolej Tok Puan 1, Tok Puan 2 dan Dato' Shahbandar pada 2 Mei 2023 hingga 24 Jun 2023 bagi semester Mac - Ogos 2023. Program ini merupakan sebuah pertandingan kebersihan dan keceriaan kolej, rumah dan bilik pelajar di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Bagi melancarkan program ini pelajar diberikan masa untuk memastikan kolej, rumah dan bilik mereka bersih, kemas dan ceria. Terdapat 3 kategori yang dipertandingkan iaitu 3 rumah terbaik bagi setiap kolej (Kolej Dato' Shah bandar, Kolej Tok Puan 1 dan Kolej Tok Puan 2).



Poster Program 'College Sweet College 3.0'

Objektif penganjuran program ini dikekalkan seperti siri yang pertama dan kedua iaitu untuk mewujudkan persekitaran kolej yang sentiasa bersih dan ceria, melatih pelajar menyemai rasa sayang akan harta benda dan sentiasa menjaga kebersihan kolej, rumah dan bilik masing - masing serta memupuk sikap bekerjasama dan kreatif dalam kalangan pelajar.



Bilik Pelajar yang bersih dan ceria.

Bagi Pertandingan kali ini, terdapat dua sesi penjurian yang dijalankan untuk memastikan keputusan pemenang dinilai secara telus dan berkesan mengikut rubrik pemarkahan yang telah disediakan. Sesi 1 diadili oleh JPK dengan bantuan MPP dan Sesi 2 diadili oleh 12 orang juri di kalangan staf UiTM.

Pelbagai komen dan reaksi diterima daripada hasil penilaian juri antaranya kebanyakan pelajar lebih bersedia untuk pertandingan kali ini dengan menyahut cabaran pertandingan ini dengan keadaan rumah dan bilik yang kemas, ceria, kreatif dan menepati kriteria yang ditentukan. Ia menyebabkan pihak juri sekali lagi mengalami kesukaran dalam menentukan markah dan memilih pemenang.

Majlis Penyampaian hadiah kepada para pemenang diadakan pada 24 Jun 2023 bertempat di bilik Mesyuarat Unit Pengurusan Kolej, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.



Sesi 2 Penjurian pertandingan.

